

KAJIAN RINTIS PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA BERASASKAN PSIKOSPIRITUAL DI SEKOLAH MENENGAH

A PILOT STUDY ON THE DEVELOPMENT OF ADOLESCENTS' MORALITY BASED ON PSYCHOSPIRITUAL APPROACHES IN SECONDARY SCHOOLS

Nur Masitah Mazlan¹
Norhapizah binti Mohd Burhan^{2*}
Mohd Isa bin Hamzah³
Mahfuzah Mohammed Zabidi⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor
(E-mail: nurmasitahmazlan20@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Pahang (Kampus Jengka) 26400 Bandar Tun Abdul Razak, Pahang, Malaysia (E-mail: izahuiaum@uitm.edu.my)

³ Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
(E-mail: isa_hamzah@ukm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor
(E-mail: mahfuzah3051@uitm.edu.my)

*Corresponding author: Norhapizah Mohd Burhan, Emel: izahuiaum@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025
Revised date : 26-8-2025
Accepted date : 27-9-2025
Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Mazlan, N. M., Mohd Burhan, N., Hamzah, M. I., & Mohammed Zabidi, M. (2025). Kajian rintis pembentukan akhlak remaja berasaskan psikospiritual di sekolah menengah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 478 – 488.

Abstrak: Psikospiritual Islam merupakan satu cabang ilmu yang mengkaji pendekatan rawatan bagi penyakit atau masalah mental, spiritual, emosi dan perilaku moral melalui amalan berteraskan al-Quran, al-Sunnah, amalan para salafus saleh dan ilmu pengetahuan yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah. Di Malaysia, isu kepincangan akhlak banyak berlaku terutamanya di kalangan pelajar sekolah menengah. Masalah ini bukan sahaja memberi kesan negatif kepada pembangunan sahsiah individu, malah turut memudaratkan kesejahteraan masyarakat. Kajian ini bertujuan mengkaji elemen psikospiritual yang mempengaruhi pembentukan akhlak bagi pelajar sekolah menengah kebangsaan dan menganalisis cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual bagi pelajar sekolah menengah kebangsaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian ialah analisis kandungan dan temu bual separa berstruktur terhadap seorang guru Pendidikan Islam dan seorang kaunselor sekolah. Analisis yang digunakan adalah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen utama psikospiritual yang berperanan dalam pembentukan akhlak ialah keimanan kepada Allah, kesedaran diri, empati dan kasih sayang, kawalan emosi dan pendidikan nilai dan moral. Cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual pula termasuklah kekangan masa, kefahaman guru terhadap sikap pelajar, pengaruh media sosial, tekanan rakan sebaya, kurangnya sokongan keluarga dan

konflik budaya. Hasil kajian menunjukkan keperluan kepada pengintegrasian elemen psikospiritual dalam pengajaran dan pendidikan. Kajian ini mencadangkan agar elemen psikospiritual diintegrasikan secara sistematik dalam program pembangunan akhlak pelajar di samping memperkasakan latihan guru dan kaunselor dalam aspek psikospiritual. Selain itu, jaringan antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti perlu diperkukuhkan bagi membentuk kerangka pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual yang lebih menyeluruh. Suatu model pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual wajar dibangunkan untuk rujukan semua pihak.

Kata Kunci: *(Akhlak remaja, psikospiritual, sekolah menengah dan cabaran pendidikan)*

Abstract: *Islamic Psychospiritual is a branch of knowledge that examines therapeutic approaches for mental, spiritual, emotional, and moral behavioral issues through practices based on the Qur'an, the Sunnah, the traditions of the pious predecessors (salafus salih), and knowledge that does not contradict the principles of Shariah. In Malaysia, the problem of moral decline is prevalent, particularly among secondary school students. This issue not only has a negative impact on the development of individual character but also threatens the well-being of society. This study aims to examine the psychospiritual elements that influence the development of morality among national secondary school students and to analyze the challenges in shaping morality through a psychospiritual approach. The study employed a qualitative methodology. The research design consisted of content analysis and semi-structured interviews with an Islamic Education teacher and a school counsellor. The analysis used is thematic analysis. The study findings show that the main psychospiritual elements that play a role in the formation of character are faith in God, self-awareness, empathy and love, emotional control and education in values and morals. Challenges in developing psychospiritual-based morals include time constraints, limited teacher understanding, student attitudes, the influence of social media, peer pressure, lack of family support and cultural conflicts. The results of the study indicate the need to integrate psychospiritual elements into teaching and education. This study suggests that psychospiritual elements be systematically integrated into student moral development programs in addition to strengthening teacher and counselor training in psychospiritual aspects. In addition, the network between schools, parents, and the community needs to be strengthened to form a more comprehensive framework for developing psychospiritual-based morals. A psychospiritual-based moral formation model should be developed for reference by all parties.*

Keywords: *Adolescent morality, psychospiritual, secondary school, educational challenges*

Pendahuluan

Akhlak mulia merupakan sebahagian daripada pembentukan masyarakat Islam (Siti Aisyah & Latifah, 2017). Dalam kehidupan manusia, akhlak yang mulia merupakan perhiasan yang paling berharga (Siti Hajar et. al 2024). Pendidikan akhlak merupakan teras terpenting kepada proses mendapatkan ilmu selain pendidikan akidah, syariah dan fiqh. Bangsa dan agama akan rosak tanpa pendidikan akhlak yang sempurna (Mohd Faizal et al., 2019). Pembentukan akhlak yang mulia sangat dititik beratkan dalam kalangan orang Islam (Tengku Nursyahzanani Anis & Zawawi 2024). Dalam perspektif Islam, akhlak Rasulullah s.a.w. merupakan model akhlak yang terbaik untuk diikuti. Ini sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”. (Surah al-Ahzab, 33:21).

Rasulullah SAW diiktiraf Allah SWT memiliki akhlak yang terpuji sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

Maksudnya: “Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung” (Surah al-Qalam, 68:4).

Rasulullah s.a.w telah menjadi contoh tauladan yang terbaik kepada umat manusia yang mana baginda memiliki kemantapan rohani dan kekayaan jiwa. Kemantapan rohani dan kekayaan jiwa berkait dengan psikospiritual. Ilmu psikospiritual Islam merupakan satu cabang ilmu yang mengkaji pendekatan rawatan bagi penyakit atau masalah mental, spiritual, emosi dan perilaku moral melalui amalan berteraskan al-Quran, al-Sunnah, amalan para salafus saleh dan ilmu pengetahuan yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah. Fokus utama ilmu ini adalah mencapai kesejahteraan holistik individu demi kebahagiaan sejati (al-sa‘adah) (Nur Shahidah et al. 2021).

Pernyataan Masalah

Keruntuhan akhlak remaja bukan suatu perkara yang baru dalam masyarakat kita pada hari ini (Arwanshah 2024). Di Malaysia, isu kepincangan akhlak banyak berlaku dan makin bertambah daripada semasa ke semasa. Kes salah laku di kalangan seperti ponteng sekolah, lari dari rumah, merokok, merempit dan balik lewat ke rumah seringkali dipaparkan di dada akhbar di seluruh negara (Shariffah Nuridah Aishah et al. 2025). Bukan itu sahaja, saban hari terpapar di media sosial pelbagai isu keruntuhan akhlak seperti kes perzinaan, pembuangan bayi, rogol, rompakan, pembunuhan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya yang menggambarkan keruntuhan moral dan akhlak masyarakat (Mohd Yusaini Wi 2021). Hal ini sangat membimbangkan lebih-lebih lagi ia melibatkan generasi muda dan sebahagian besarnya melibatkan pelajar sekolah.

Antara penglibatan remaja dalam masalah akhlak yang kritikal adalah masalah penyalahgunaan dadah. Laporan statistik penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar sekolah menengah kategori menengah bawah dan menengah atas bagi tahun 2020-2023 dilaporkan seperti jadual berikut:

Jadual Error! No text of specified style in document.: Statistik penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar sekolah menengah bagi tahun 2020-2023

Tahun	Pelajar sekolah menengah rendah	Pelajar sekolah menengah atas
2020	32,867	42,758
2021	34,612	43,863
2022	36,236	47,951
2023	37,321	55,855

Trend peningkatan penglibatan pelajar sekolah dengan penyalahgunaan dadah ini menunjukkan masalah ini berada di tahap kritikal dan perlu ditangani secara serius. Penglibatan golongan ini dalam aktiviti penyalahgunaan dadah telah mengancam keselamatan dan kemakmuran negara, malahan menjejaskan perkembangan sahsiah diri remaja ke alam dewasa (Nazri & Wan Anor (2021). Masalah akhlak jika tidak dibendung boleh mencetuskan masalah besar dalam

masyarakat. Oleh itu ia mesti ditangani dengan bijaksana dengan mengetengahkan pendekatan Islam dan psikologi untuk menyelesaikan masalah hingga ke peringkat akar umbi.

Sorotan Literatur

Definisi Psikospiritual

Psiko Spiritual berasal dari perkataan psikologi dan spiritual merujuk kepada elemen dalaman iaitu roh, akal dan nafsu yang membentuk personaliti diri seseorang (Sakinah et al., 2022). Psikospiritual Islam merupakan sebuah disiplin ilmu yang menggabungkan elemen psikologi dan kerohanian berasaskan kepada prinsip Islam. Berbeza dengan psikospiritual menurut sarjana Barat, psikospiritual Islam memusatkan elemen tauhid sebagai landasan dalam pembinaan dan perawatan penyakit berkaitan rohani manusia. Pendekatan psikospiritual Islam yang mengetengahkan metode penyucian jiwa (tazkiyyah al-nafs) adalah menjadi keperluan kepada manusia demi kemaslahatan hidupnya dan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Muhammad Afiq & Mohd Syukri, 2020).

Dari aspek definisi, psikospiritual Islam boleh difahami sebagai konsep dan kaedah perawatan penyakit jiwa, spiritual, mental, emosi mahupun perilaku moral. Ia berteraskan teori dan amalan dalam Islam bersumberkan al-Quran, sunnah, amalan salafussoleh (tiga generasi pertama Islam) umumnya serta ulama tasawuf khususnya. Bidangnya merangkumi perbincangan mengenai psikologi manusia bermula pembinaan rumah tangga, proses mendapat, melahir dan membesarkan anak hingga remaja, pembentukan jati diri individu dewasa, menjelang usia lanjut serta saat menghadapi kematian. Selama proses itu berlaku, pemahaman peranan roh, jiwa, hati, akal dan jasad atau aspek spiritual, intelektual serta fizikal dititikberatkan. Ia turut membincang dan melatih kaedah menghadapi masalah kehidupan dan bagaimana cara membentuk akhlak mulia. Pelbagai dimensi kehidupan disentuh dalam perbincangannya, sekali gus menjadikan ia mampu membantu pembinaan dan pembangunan psikologi serta keperibadian Muslim melalui pembersihan jiwa (tazkiyah al-nafs) yang berhubung rapat dengan pemurnian akhlak dan mentauhidkan Allah SWT (Che Zarrina 2019).

Definisi Akhlak

Akhlak dari sudut bahasa berasal dari kalimah al-Khuluq dengan dibariskan lam di hadapan atau sukunnya, iaitu beragama atau tabiat atau perangainya (Ibn Manzur (1997). Menurut Kamus Dewan (2005: 25), akhlak merupakan kata jamak bagi khuluk bermaksud “budi pekerti, kelakuan, tabiat. Menurut (Anwar, 2022) pula, daripada sudut bahasa akhlak adalah kata jamak dari khuluq. Dari segi istilah, akhlak ialah sifat yang tertanam di dalam diri iaitu yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan. (Zaharah 2008) menyatakan bahawa akhlak juga meliputi unsur-unsur dalaman atau rohani yang telah menjadi kepercayaan serta menjadi penggerak untuk menampilkan tingkah laku tertentu yang telah menjadi kebiasaan.

Definisi Sekolah Menengah

Sekolah Menengah atau pendidikan menengah dalam *encyclopedia of educational* merupakan tahap-tahap yang berada di antara sekolah rendah dan Institusi Pengajian Tinggi (Kamarul Azmi 2010). Sekolah menengah yang terdapat di Malaysia adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan kolej yang setara dengan sekolah. Namun kajian ini memfokuskan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:


1. Mengkaji elemen psikospiritual yang mempengaruhi pembentukan akhlak bagi pelajar sekolah menengah kebangsaan.
2. Menganalisis cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual bagi pelajar sekolah menengah kebangsaan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui teknik kajian kes. Kajian kes merupakan satu bentuk penyelidikan yang memberi tumpuan kepada sesuatu kes atau lokasi tertentu yang bersifat khusus. Menurut Kamarul Azmi (2012), kajian kes merupakan suatu bentuk penyelidikan yang dijalankan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada berbentuk program atau peristiwa yang terikat kepada konteks tertentu seperti lokasi, masa atau batasan tertentu. Temubual separa berstruktur telah dijalankan dalam kajian rintis ini melibatkan seorang Guru Pendidikan Islam sekolah menengah yang berpengalaman mengajar lebih 10 tahun dan seorang kaunselor yang berpengalaman mengendalikan pelajar yang melakukan masalah akhlak. Analisis data bagi kajian ini ialah analisis tematik.

Perbincangan

Dapatan kajian mendapati terdapat lima tema bagi elemen psikospiritual yang mempengaruhi pembentukan akhlak bagi pelajar sekolah menengah kebangsaan. Lima elemen psikospiritual tersebut dinyatakan seperti rajah berikut:



Rajah 1: Elemen Psikospiritual Mempengaruhi Pembentukan Akhlak bagi Pelajar Sekolah Menengah

Kedua-dua informan menegaskan bahawa keimanan kepada Allah merupakan teras utama dalam membentuk akhlak pelajar. Apabila seseorang pelajar memiliki iman yang cukup dalam diri, pelajar tersebut akan lebih cenderung untuk mengamalkan akhlak yang baik. Ini dinyatakan oleh informan Guru Pendidikan Islam (GPI) dan kaunselor seperti berikut:

GPI: “Bila seorang pelajar ada iman yang cukup dengan dirinya, dia akan lebih cenderung untuk mengamalkan akhlak yang baik. Hubungan dia dengan Allah berterusan, insya-Allah akhlak dia pun akan baik.”

Kaunselor: “Iman dan rohani ini kena diterapkan dalam pembentukan akhlak. Kalau pelajar menjaga hubungan dengan Allah, insya-Allah dia boleh jaga hubungan dengan manusia.”

Pelajar yang istiqamah melaksanakan solat dan ibadah harian dilihat lebih berdisiplin, bertanggungjawab serta menjaga hubungan sosial. Pandangan ini turut disokong oleh al-Ghazali (2016) yang menekankan bahawa hati yang hidup dengan iman akan melahirkan tindakan berakhlak mulia.

Bagi elemen kesedaran diri (self-awareness) pula, informan GPI dan kaunselor menyatakan seperti berikut:

GPI: “Kesedaran diri ni bila mana dia menghormati kawan-kawan, menghormati guru, tak mudah menyinggung perasaan orang lain.”

Kaunselor: “Self-awareness ni di mana pelajar mempunyai kesedaran nilai terhadap tindak-tanduk dan keputusan mereka. Bila ada kesedaran diri, dia lebih pandai buat keputusan.”

Manakala bagi elemen empati dan kasih sayang pula, informan GPI dan kaunselor menyatakan seperti berikut:

GPI: “Bila ada kesedaran diri, tingkah laku dia lebih prihatin. Contohnya, dia tahu apa yang kawan dia rasa kalau disakiti.”

Kaunselor: “Empati ni sangat penting, pelajar yang ada rasa kasih sayang kepada ibu bapa dan guru, mereka lebih prihatin kepada orang lain.”

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Azizah et al. (2025), kasih sayang amat penting diberi kepada anak-anak kerana sekiranya kasih sayang tidak cukup diberikan, anak tersebut berisiko menghadapi pelbagai kesan negatif, termasuk masalah perilaku, kesulitan dalam pendidikan, sehingga mengganggu aspek mental. Lulu et al. (2024) berpandangan pendidikan empati dianggap sebagai penyelesaian bersepadu untuk mengatasi masalah tingkahlaku kekerasan fizikal, percakapan, dan sosial termasuk buli. Kemampuan memahami perasaan orang lain sejak kanak-kanak perlu diajar dan ia hendaklah diterapkan pada pihak yang bertanggung jawab di sekolah kerana ia dapat membentuk hubungan sosial yang bermakna. Kajian oleh Mohd Sukeri et al. (2021) mendapati keperihatinan empati mempunyai hubungan dan pengaruh yang kukuh terhadap kasih sayang dan sikap ambil berat di kalangan pelajar.

Elemen seterusnya adalah kawalan emosi. Ia dinyatakan oleh informan kaunselor seperti berikut:


Kaunselor: “Kawalan emosi ni bila pelajar rasa marah, dia boleh sabar, tenang, dan tidak bertindak secara negatif.”

Pendidikan nilai dan moral juga merupakan antara elemen psikospiritual yang mempengaruhi pembentukan akhlak bagi pelajar sekolah menengah. Ia dinyatakan oleh informan kaunselor seperti berikut:

Kaunselor: “Pendidikan nilai dan moral penting untuk membentuk akhlak murid. Contohnya jujur, amanah, tanggungjawab, hormat-menghormati.”

Pelajar yang memiliki kesedaran diri berupaya membuat keputusan matang, menghormati guru serta rakan dan mengelakkan konflik. Hal ini sejajar dengan teori Kecerdasan Emosi oleh Goleman (1995) yang menekankan kesedaran sendiri dan empati sebagai komponen penting dalam pengawalan tingkah laku sosial. Goleman (1998) turut menjelaskan bahawa kecerdasan emosi merangkumi keupayaan seseorang memberi semangat kepada diri, boleh menghadapi kekecewaan, dapat mengendalikan keinginan dan kemahuan dengan baik, menjaga keadaan hati dan berkeupayaan mengawal tekanan yang dihadapi, boleh berfikir dengan waras dan mempunyai empati yang tinggi. Dalam konteks pendidikan nilai, kedua-dua informan menegaskan bahawa pelajar yang menghayati ajaran agama menunjukkan sikap suka menolong, menghormati orang lain, dan aktif dalam program komuniti.

Berikut pula merupakan gambar rajah cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual bagi pelajar sekolah menengah.



Rajah 2: Cabaran Dalam Pembentukan Akhlak Berasaskan Psikospiritual bagi Pelajar Sekolah Menengah

Rajah 2 menunjukkan cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual bagi pelajar sekolah menengah. Pengkaji mendapati tujuh tema cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual bagi pelajar sekolah menengah. Antara cabaran yang dikenalpasti adalah kekangan masa. Guru lebih tertumpu kepada mengejar silibus dan *Key Performance Indicator* (KPI) sehingga kurang menekankan aspek psikospiritual. Ia sebagaimana yang dinyatakan oleh informan Guru Pendidikan Islam (GPI) seperti berikut:

GPI: “Masa terlalu terhad... nak mengejar silibus dan KPI sampai tak sempat nak menerapkan pendekatan psikospiritual dalam PdP.”

Selain itu, kefahaman guru yang terbatas juga merupakan salah satu cabaran. Sebahagian guru tidak memahami konsep psikospiritual, malah melihatnya hanya dari perspektif psikologi kaunseling. Ini sebagaimana dinyatakan oleh informan GPI seperti berikut:

GPI: “Ramai guru kurang faham tentang psikospiritual. Saya sendiri baru dengar istilah tu. Kebanyakan hanya guna pendekatan psikologi je.”

Cabaran yang lain adalah sikap pelajar. Ada pelajar yang datang ke sekolah sekadar untuk bersosial, kurang minat terhadap pembelajaran dan pembangunan diri. Ia sebagaimana dinyatakan oleh informan GPI seperti berikut:

GPI: “Ada pelajar yang datang sekolah sekadar nak jumpa kawan-kawan, bukan nak belajar sangat. Jadi susah nak handle.”

Cabaran yang seterusnya adalah pengaruh media sosial. Pelajar mudah terikut-ikut dengan budaya luar melalui media sosial dan influencer yang mereka minati. Ia sebagaimana yang dinyatakan oleh informan GPI dan kaunselor seperti berikut:

GPI: “Pelajar sekarang mudah terikut-ikut dengan budaya luar, influencer, dan trend di media sosial.”

Kaunselor: “Media sosial sangat mempengaruhi... kalau yang positif, pelajar jadi positif. Tapi kalau yang negatif, dia akan ikut benda-benda yang tak baik.”

Remaja mudah terpengaruh dengan trend negatif, budaya luar, dan ikon selebriti. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi turut menjadi cabaran besar kepada Pendidikan Islam kerana akses maklumat yang tidak ditapis mendedahkan mereka kepada pelbagai pengaruh luar (Aini Nasrin et al., 2024). Perkembangan teknologi ini memberi kesan yang besar terhadap sahsiah remaja sehingga berisiko membawa kepada keruntuhan akhlak sekiranya tidak dikawal dengan baik. Justeru, remaja perlu dibimbing agar memanfaatkan media sosial ke arah yang positif (Nurzatil Ismah et al., 2021), di samping dididik agar lebih bijak dalam menggunakannya ke arah kebaikan (Nurul Izzah, 2021). Hal ini bertepatan dengan pandangan Siti Noor Farahin et al. (2022) yang menegaskan bahawa tanpa nilai iman dan akhlak, teknologi tidak akan membawa manfaat, bahkan mampu merosakkan ketamadunan manusia.

Tekanan rakan sebaya juga merupakan antara cabaran dalam pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual bagi pelajar sekolah menengah. Rakan sebaya memberi pengaruh besar sama ada ke arah positif atau negatif. Ia dinyatakan oleh informan kaunselor seperti berikut:

Kaunselor: “Bila berkawan dengan kawan yang baik, dia ikut ke arah kebaikan. Kalau berkawan dengan rakan negatif, dia pun akan ke arah yang sama.”

Selain itu, kurangnya sokongan keluarga juga menjadi salah satu cabaran. Ramai pelajar kurang mendapat sokongan untuk melaksanakan amalan hidup beragama dan kurang sokongan emosi daripada ibu bapa kerana kesibukan bekerja atau kurang pengetahuan agama. Ia dinyatakan sebagaimana berikut:

GPI: “Mak ayah tak boleh serah 100% pendidikan kepada sekolah. Anak di rumah perlukan didikan agama secukupnya.”

Kaunselor: “Ramai pelajar dijaga datuk atau nenek sebab mak ayah sibuk. Jadi kasih sayang dan perhatian kurang.”

Cabaran selanjutnya adalah konflik budaya. Persekitaran sosial moden bercanggah dengan nilai agama menjadikan pelaksanaan pendekatan psikospiritual berhadapan cabaran.

GPI: “Budaya sosial sekarang tidak menyokong pendekatan psikospiritual... pelajar mudah terikut budaya luar.”

Kaunselor: “Pelajar sangat bergantung pada telefon pintar, walaupun di asrama. Sukar nak kawal sebab budaya hidup sekarang memang begitu.”

Cabaran-cabaran ini perlu ditangani bersama oleh pihak sekolah, keluarga dan masyarakat. Tanpa sokongan keluarga, pihak sekolah sukar untuk berfungsi secara efektif dalam mendidik nilai rohani dan moral pelajar.

Analisis Perbandingan Dapatan

Secara keseluruhannya, kesimpulan daripada dapatan ini, kedua-dua informan mempunyai persamaan dalam menekankan kepentingan elemen psikospiritual seperti keimanan, kesedaran diri, empati, dan sokongan keluarga. Namun, mereka berbeza dari segi fokus. Informan GPI lebih menekankan aspek ibadah dan cabaran dalam PdP, manakala informan kaunselor menekankan aspek psikologi, kawalan emosi, dan cabaran dari rakan sebaya serta media sosial. Kombinasi kedua-dua perspektif ini memberikan gambaran yang lebih holistik terhadap isu pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual.

Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan psikospiritual sangat relevan dalam membentuk akhlak pelajar sekolah menengah. Psikospiritual sebagai suatu pendekatan kerohanian berperanan menjadi benteng daripada penyelewengan akhlak (Nur Masitah & Norhapizah, 2024). Keimanan dan kerohanian juga menjadi teras yang memberi kesan langsung terhadap disiplin diri dan tingkah laku pelajar. Dalam hal ini, penghayatan hidup beragama akan lebih kukuh sekiranya remaja ditanam dengan sifat takwa dan semangat cintakan agama (Wan Haslinawati, 2020). Walau bagaimanapun, cabaran seperti pengaruh media sosial dan rakan sebaya memperlihatkan keperluan kepada strategi lebih menyeluruh yang melibatkan bukan sahaja guru, tetapi juga ibu bapa dan komuniti. Oleh itu, pembentukan akhlak memerlukan sinergi antara sekolah dan keluarga. Di samping itu, latihan khusus kepada guru dan kaunselor wajar diberi perhatian agar elemen psikospiritual dapat diterapkan secara sistematik dalam pengajaran dan pembelajaran. Tanpa kefahaman yang menyeluruh, pendekatan ini dikhuatiri hanya terhad kepada guru Pendidikan Islam semata-mata.

Kesimpulan

Kajian rintis ini menunjukkan bahawa elemen psikospiritual seperti keimanan, kesedaran diri, empati, nilai moral, dan kawalan emosi adalah faktor penting dalam pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah. Namun, pelbagai cabaran wujud termasuk kekangan masa, kefahaman guru terhad, sikap pelajar, pengaruh media sosial, pengaruh rakan sebaya, sokongan keluarga dan konflik budaya. Dapatan kajian menunjukkan kurangnya latihan guru dan kefahaman tentang aspek psikospiritual menyebabkan pendekatan psikospiritual ini tidak dilaksanakan dengan efektif dalam membentuk akhlak pelajar sekolah. Justeru itu, latihan profesional terhadap guru dan kaunselor perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Di samping itu, kerjasama ibu bapa, sekolah dan komuniti dalam mendidik pelajar sangat diperlukan. Oleh itu, modul khusus psikospiritual yang boleh dijadikan panduan bersepadu dalam pendidikan akhlak perlulah dibangunkan. Kajian ini memberi asas kepada pembangunan kerangka model pembentukan akhlak berasaskan psikospiritual yang lebih menyeluruh pada fasa seterusnya.

Rujukan

- Adlin, A. N., Azman, N. A., Rosli, S. K., & Syed Hassan, S. N. (2024). Isu dan cabaran pendidikan Islam era digitalisasi maklumat dan solusi berdasarkan panduan Quran dan hadis. *E-Proceedings Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK9 2024)*, 283–290.
- Al-Ghazali. (2016). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Darul Fikr.
- Arwanshah Kirin. (2024). Tahap keruntuhan akhlak remaja: Kajian kes UTHM Pagoh. *Human Sustainable Procedia*, 4(1), 35–45.
- Astro Awani. (t.t.). *Kes rogol/sumbang mahram di Kelantan meningkat*. Dipetik daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-sumbang-mahram-di-kelantan-meningkat-515834>
- Aulia, L. R., Kholisoh, N., Rahma, V. Z., Rostika, D., & Sudarmansyah, R. (2024). Pentingnya pendidikan empati untuk mengurangi kasus bullying di sekolah dasar. *Morfologi: Jurnal Ilmu Pendidikan, Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 2(1), 71-79.
- Azizah, N., Damayanti, S. Z., Sapitri, G., & Prambudi, A. (2025). Pentingnya Kasih Sayang Dan Perhatian Pada Anak Usia Dini. *Islamic Education*, 4(2), 1-10.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Cabaran membentuk akhlak remaja melalui persekitaran sosial dan perkembangan teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118–129.
- Berita Harian. (2024, Oktober). *Penyalahgunaan dadah babit pelajar sekolah tunjuk trend*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1310625/penyalahgunaan-dadah-babit-pelajar-sekolah-tunjuk-trend>
- Eilham Yasha Humaira Abdul Fatah, & Mohd Zamrus Mohd Ali. (2023). Kes pembuangan bayi di Malaysia: Sejauh manakah penglibatan pihak lelaki. *Proceeding IJURECON 2023*, 168–172.
- Fariddudin, S. N. F. M., Khambali @ Hambali, K. M., & Syed Abdul Rahman, S. M. H. (2022). Cabaran pendidikan akidah dan akhlak anak era Revolusi Perindustrian 4.0 di Nusantara serta solusi menurut sarjana Muslim. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 9(2), 47–60. <https://doi.org/10.22452/ris.vol9no2.3>
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York, NY: Bantam.
- Goleman, D. (1998). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York, NY: Bantam Books
- Hassan, M. S. (2020). Cabaran pendidikan akhlak remaja dalam era digital. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(1), 21–35.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2022). *Laporan Statistik JKM Tahun 2021*.
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi, J. (2010). *Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes* (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia). UKM Institutional Repository.
- Kamarul Azmi, J. (2012). Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif. *Jurnal Pendidikan: Maktab Perguruan Islam*, April, 61–82.
- Mohd Faizal, Ma. P., Harwati, H., & Nurul Sa'adah, M. (2019). Pendidikan Akhlak Pelajar Menurut Kaedah Al-Ghazali. *Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan (SPIKK2019)*.
- Mohd Sukeri, N. F. A. ., Mahfar, M. ., & Mohd Sukor, M. S. . (2021). Hubungan antara Empati dengan Tingkah laku Prososial dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Universiti: [The Relationship between Empathy and Prosocial Behaviors among University Engineering Students]. *Sains Humanika*, 13(2-2). <https://doi.org/10.11113/sh.v13n2-2.1890>

- Muhammad Afiq Abd Razak, & Mohd Syukri Zainal Abidin. (2020). Psikospiritual Islam menurut perspektif *maqasid al-syariah*: Satu sorotan awal. *Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam (SAKI) 2020*, 223–232.
- Nazri Daud, & Wan Anor Wan Sulaiman. (2021). Kurang celik akal pencetus kepada penagihan dadah dalam kalangan remaja. *Asian Social Work Journal*, 6(5), 42–55.
- Noor Zainan, N. I., Awang @ Ab Rahman, N. H., Ismail, M. K. A., Mat Jusoh, N. A., Mustafa @ Busu, Z., Yusoff, Z., & Ab Rahman, S. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, 98–104.
- Nur Masitah Mazlan, & Norhapizah Mohd Burhan. (2024). Analisa kajian psikospiritual Islam di Malaysia: Sorotan kajian sistematik (SLR). *Gading Journal for Social Sciences*, 27(Special Issue KONAKA), 93–102.
- Nur Shahidah Paad, Sharifah Basirah Syed Muhsin, & Mohd Syukri Zainal Abidin. (2021). Implementasi psikospiritual Islam dalam pembentukan model motivasi pembangunan diri remaja. *Afkar*, 23(2), 405–444.
- Rahman, F., & Hamzah, A. (2019). Pengaruh psikospiritual dalam pendidikan moral dan akhlak remaja. *Journal of Human Development*, 7(2), 101–117.
- Sakinah Salleh, Rosni Wazir, Kamal Azmi Abd Rahman, Sudi, S., Abdul Hadi Awang, & Auf Iqbal Kamarulzaman. (2022). Managing Mental Health Problems Through Psycho Spiritual Approach. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 601–615. <https://doi.org/10.35631/ijepc.747047>.
- Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad, Nazli Ismail@Awang, Aminuddin Mustaffa, & Asiah Bidin. (2025). Pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal di bawah Akta Kanak-Kanak 2001: Kajian di Terengganu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(3), e003335.
- Sinar Harian. (t.t.). *Kes buang bayi: Salah siapa?* Dipetik daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/643344/suara-sinar/analisis-sinar/kes-buang-bayi-salah-siapa>
- Siti Aisyah Kamarudin, & Latifah Abdul Majid. (2017). Peranan *murabbi* terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 2(2), 31–37.
- Siti Hajar Rahman, Norlizah Che Hassan, & Fathiyyah Fakharuddin. (2024). Meneroka penghayatan iklim sekolah dalam pembentukan akhlak atlet pelajar sekolah sukan di Johor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(1), 27–37.
- Sulaiman, M. K., & Zulkifli, H. (2021). Implikasi solat terhadap akhlak dalam kalangan murid sekolah rendah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 1–13. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.91>
- Wan Haslinawati Wan Hassan, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Pendidikan kerohanian untuk membina kemampunan identiti remaja Muslim. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK5 2020)*, 482–487. Universiti Kebangsaan Malaysia.